



Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan
National Pharmaceutical Control Bureau
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA

Ruj. Kami : Bil (//)BPFK/PPO/03/05

Tarikh : 13 JUL 2009

SEMUA PEMEGANG PENDAFTARAN

SEMUA PEMEGANG NOTIFIKASI

**SEMUA PERSATUAN BERKENAAN
(SEPERTI SENARAI EDARAN)**

Tuan/Puan,

**PERMOHONAN PENDAFTARAN PRODUK DAN NOTIFIKASI KOSMETIK MELALUI
SISTEM QUEST2 YANG DIKEMUKAKAN SEBELUM 1 APRIL 2009.
-Tempoh Masa Yang Ditetapkan Untuk Menjelaskan Pembayaran**

Adalah saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sila ambil maklum bahawa Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK) sedang dalam proses mengemaskini data berkaitan rekod pembayaran bagi permohonan pendaftaran produk dan notifikasi kosmetik melalui QUEST2 yang dikemukakan sebelum 1 April 2009. Semakan BPFK mendapati terdapat banyak pemohon yang masih tidak menjelaskan bayaran bagi yuran permohonan mereka. Perkara ini telah menyebabkan data permohonan tersebut memenuhi ruang di dalam pengkalan data sistem QUEST2.

3. Sehubungan dengan itu, BPFK telah menetapkan bahawa semua pembayaran bagi permohonan pendaftaran produk dan notifikasi kosmetik yang dikemukakan sebelum 1 April 2009 perlu dijelaskan selewat-lewatnya pada **15 Ogos 2009**.

4. Kegagalan menjelaskan bayaran dalam tempoh yang ditetapkan akan menyebabkan permohonan pendaftaran dan notifikasi kosmetik tuan/puan ditolak.

5. Pemegang pendaftaran produk dan pemegang notifikasi kosmetik adalah disarankan agar mengambil maklum dan mematuhi keperluan ini.

Sekian terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(SELVARAJA SEERANGAM)

Pengarah Regulatori Farmasi
Biro Pengawasan farmaseutikal Kebangsaan
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k : Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi
Bahagian Perkhidmatan Farmasi, KKM

rosila/-